

Title	Newspaper	Day	Date
Bank Islam menang anugerah	Utusan Malaysia	Friday	14 Jul 2017

# Bank Islam menang anugerah

**KUALA LUMPUR 13 Julai** - Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) memenangi gelaran Best Islamic Environmental, Social and Governance (ESG) Bank pada anugerah *The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2017*.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khairul Kamarudin (**gambar**) berkata, anugerah tersebut mencerminkan komitmen Bank Islam untuk menjadi sebuah institusi kewangan yang bertanggungjawab terhadap aspek sosial serta alam sekitar.

Katanya, Bank Islam sentiasa menyokong projek-projek infrastruktur yang melibatkan perancangan untuk menjamin sumber yang mampan bagi negara selain menyediakan perkhidmatan pembiayaan hijau untuk projek seperti hidroelektrik dan ladang solar.

"Anugerah berprestij ini merupakan yang pertama diberikan

oleh majalah *The Asset*, yang menitikberatkan komponen ESG berpandukan prinsip-prinsip syariah. Kami berbangga dengan pengiktirafan ini di atas segala usaha yang dilaksanakan dan sentiasa memastikan apa yang kami laksanakan adalah bertepatan dan memberi manfaat kepada pihak-pihak berkepentingan.

"Bank Islam berhasrat menjadi Pengantara Berasaskan Nilai dalam mentransformasikan landskap kewangan Islam di Malaysia," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Khairul, selain anugerah Best Islamic ESG Bank, pihaknya juga turut memenangi anugerah *Best Islamic Fintech Deal* untuk pembiayaan yang diberikan kepada Koperasi Kakitangan Kumpulan BMB Holdings Malay-

sia Berhad (KOBIMBING).

Menurut beliau, transaksi berkenaan dibiayai oleh Akaun Pelaburan Terhad melalui Platform Akaun Pelaburan (IAP).

"IAP adalah sebuah platform yang menyediakan kemudahan saluran dana untuk pelabur bagi membiayai usaha dan pelbagai projek berdaya maju.

"Penyenaraian usaha-usaha yang berdaya maju di IAP akan terus diberi sokongan bagi memastikan perkembangan untuk usahawan perusahan kecil dan sederhana (PKS) serta mengukuhkan lagi komitmen kami dalam membangunkan aktiviti ekonomi," ujarnya.

*The Asset Triple A Islamic Finance Awards* merupakan satu daripada anugerah perdana untuk kewangan Islam dalam industri kewangan Asia.

